National University of Singapore
**Source:** *Berita Harian,* p8
**Date:** 1 October 2024



*Dari September hingga Disember, Berita Harian akan menerbitkan empat esei yang ditulis untuk menghargai sumbangan beberapa seniman mapan yang telah melestarikan arena seni bahasa Melayu setempat. Karya seniman ini, dengan sokongan Lembaga Warisan Negara (NHB), telah disematkan dalam siri, 'Intangible Cultural Heritage' atau Warisan Budaya Tidak Ketara, yang dikendalikan oleh Taman Warisan Melayu. Dalam edisi kedua ini, Encik Iylia Kamsani, membincangkan, antara lain kerelevenan pantun pada masa ini. Mengiringi esei ini di media sosial ialah bacaan pantun oleh penyanyi dan penggiat seni, Afi Hanafi.*

# Seni Berbagi Rasa, Berbalas Santun

## Pantun khazanah sastera rakyat yang sangat bernilai

▶ **MUHAMMAD IYLIA KAMSANI**



Encik Afi Hanafi (kiri) seorang penyanyi yang berkecimpung dalam seni budaya. Bacaan pantun beliau kini boleh dinikmati di laman media sosial Taman Warisan Melayu. – Foto TAMAN WARISAN MELAYU

Pantun adalah salah satu cabang puisi tradisional dalam budaya Melayu. Ia telah lama menarik minat dan imaginasi para sarjana dan pengamat seantero dunia.

Keasliannya dan keunikan strukturnya mencipta sebuah lapangan untuk meneliti kehidupan, pemikiran, falsafah estetika orang Melayu suatu ketika dahulu.

Berbanding puisi tradisional lain, pantun menjadi pameran terbaik kebijaksanaan, mod ekspresi dan cara berkomunikasi bagi masyarakat Melayu.

Pada dasarnya, pantun genre kesusasteraan berbentuk lisan. Ia hanya mula dicatat pada kedatangan teknologi percetakan di rantau ini, sekali gus merancakkan lagi penggunaan, pembelajaran, pengajaran dan pengkajiannya.

Di Singapura kini, pantun tidak terlepas daripada kebudayaan tempatan walaupun masyarakatnya dikatakan metropolitan dan sudah moden.

Terdapat banyak anjuran inisiatif yang memartabatkan pantun baik di dalam bilik darjah mahupun di acara seperti peraduan pantun, majlis perasmian dan persandingan.

Selain bentuk, alunan rima dan ritmanya, sambutan serta kerelevanan pantun hingga ke hari ini mesti dirungkai di samping dua lagi aspek, iaitu (1) sifatnya yang biofilik dan (2) jiwanya yang merangkul.

Esei ini akan membincangkan kedua-dua aspek itu dengan lebih lanjut.

**Pantun 'Biophilia'**

Keindahan pantun terletak pada sifatnya yang hidup dan saling menghidupkan. Seorang pemikir Barat, Erich Fromm, merujuk kepada sifat ini sebagai 'biophilia'.

Beliau berkata, "biophilia is the passionate love of life and of all that is alive" dan selalu mengharapkan "further growth, whether in a person, a plant, an idea, or a social group".

Ini bermakna pantun menjadi semacam kandil yang mengungkap nilai-nilai kemanusiaan yang sarwajagat seperti budi, kejujuran dan kasih sayang.

Ia melawan segala ancaman yang boleh mematikan akhlak seseorang itu, seperti tamak haloba, keangkuhan, kerakusan dan kebencian.

Terdapat pelbagai penghayatan sebegini dalam pantun tradisional, baik yang sependek dua kerat hingga yang berkerat-kerat.

Sebagai contoh, nenek moyang kita sudah pun berpantun mengenai kepentingan ilmu sejak dahulu lagi:

Buah jambu dimakan kera,
Dipetik Rukiah lari ke hutan;
Ilmu itu bertiang tiga,
Dialah cahaya penyuluh jalan.

Ini bermakna seseorang itu mampu membangunkan dirinya daripada lembah kejahilan yang memerangkap dan membelenggu dengan menuntut ilmu.

Mencari ilmu tidak disempitkan kepada alam persekolahan semata-mata, yang sering terjadi pada hari ini. Ia melawan sikap fatalistik yang sering dikaitkan dengan masyarakat Melayu.

Sebaliknya, pencarian ilmu memerlukan suatu ikhtiar yang aktif, barulah hidup dapat merdeka:

Malam ini malam Isnin,
Malam besok malam Selasa;
Tuntutlah ilmu sampai berkenan,
Lepaslah kamu dari seksa.

Seterusnya, yang selalu dihidupkan dalam bait-bait pantun ialah unsur-unsur nasihat.

Nasihat merupakan satu ajaran, ajakan dan petunjuk kepada perihal yang baik-baik belaka.

Sebagaimana perilaku ibu terhadap anaknya, begitulah pantun yang sama lembut, sama mesra dan sama ihsan. Ini penting kerana pantun juga boleh menjelma sebagai kritikan sosial.

Tetapi jarang, malah mustahil, serangkap pantun itu menuju kepada sembarang kejahatan mahupun kebinasaan yang negatif.

Ia tidak mematikan semangat untuk memperbaiki diri dan situasi.

Nasihat yang diadun secara santun, tanpa amukan emosi berapi-api, itulah sifat pantun Melayu yang telah menjadi sebahagian warisan kesusasteraan kita:

Menahan pukat ke seberang,
Dapat seekor ikan tenggiri;
Jangan cakap sebarang-sebarang,
Kelak memakan diri sendiri.

Pada suatu ketika dahulu, pantun hidup dalam zaman feudalisme Melayu di mana sultan dan golongan bangsawan sangat zalim.

Suasana yang memerah, menekan dan yang menindas rakyat jelata sudah menjadi lumrah.

Tentu sekali rakyat ketika itu tidak mempunyai daya dan upaya untuk keluar daripada pasungan dan kekangan yang sentiasa berlaku.

Malah akan ditulah dan diseksa kerana melawan kuasa. Tetapi susah kita ketemu pantun yang berbicara tentang putus asa biarpun putus harapan.

Sebaliknya, kesabaran menjadi salah satu ungkapan mapan dalam mengharungi segala jerih perih kehidupan. Menjadi satu nasihat yang tidak semberono, yang bertimbang rasa terhadap hakikat masyarakatnya.

Inilah pantun yang hidup lagi menghidupkan:

Apa guna pokok kiambang,
Sehari-hari gugur daunnya;
Apa guna menaruh bimbang,
Menahan sabar banyak gunanya.

**PANTUN YANG MERANGKUL**

Selain sifatnya yang hidup, keindahan pantun juga terletak pada jiwanya yang merangkul. Merangkul di sini membawa maksud: sokongan terhadap dasar dan amalan yang adil untuk semua tanpa mengira kaum, jantina, etnik, agama ataupun status sosioekonomi.

Ia menghala kepada perpaduan dan keadilan sosial, semangat egalitarian dan etos demokrasi.

Inilah antara sebab mengapa nilai cinta, kasih dan sayang menjadi tema utama dalam bait-bait pantun tradisional.

Tanpa rasa ini, mustahil seseorang itu dapat merangkul sesuatu yang lebih besar untuk dirinya: "the main condition for the achievement of love is the overcoming of one's narcissism".

Pantun yang merangkul ialah manifestasi cinta terhadap: (1) manusia dan masyarakat, dan (2) alam semula jadi.

**Cinta Terhadap Manusia dan Masyarakat**

Tidak asing lagi bahawa pantun sudah menjadi sebahagian besar sosiobudaya masyarakat Melayu. Malah pengkajian yang lebih tuntas dapat diketengahkan sekiranya ia mengambil kira "notions of all sorts of human activities, way of life, social relations, ceremonies etc.".

Ini kerana pantun mampu menampung curahan perasaan cinta dan sayang terhadap manusia tanpa berbelah bagi.

Gambaran manusia dalam pantun tidak tertakluk kepada manusia Melayu sahaja. Ia memartabatkan kemanusiaan setiap orang yang melangkaui batas daerah, tempat, juga budaya-bangsa.

Sebagai contoh, sering kedengaran pantun tradisional mengandungi perkara positif tentang 'anak Cina' dan 'anak India'. Ia menunjukkan bahawa pantun telah lama menjadi saksi kemajmukan masyarakat yang harmoni antara kaum.

Tidak dapat dikesan kata-kata kesat ataupun yang bersifat cauvinis seperti yang banyak berlaku kebelakangan ini. Sebaliknya, hanya budi pekerti yang mengiringi pantun sebegini:

Anak Cina mengirim surat,
Dari Jawa sampai ke Deli;
Hidup kita dikandung adat,
Budi tidak dijual beli.
Anak India membawa madat,
Dari Kedah langsung ke Bali;
Hidup manusia biar beradat,
Bahasa tidak berjual-beli.

Selain itu, jasa petani juga sering disebut, cara mereka menyemai dan menjaga padi. Padi yang menjadi makanan ruji kebanyakan orang di Nusantara dijadikan lambang bakti.

Justeru, tidak menghairankan bahawa ia muncul semula sebagai korelatif perasaan cinta dan budi:

Orang Aceh menanam padi,
Padi tumbuh nampak jarang;
Antara kasih dengan budi,
Budi juga dikenang orang.
Orang berhenti tepi surau,
Lihat padi campur Jerami;
Tujuh tahun musim kemarau,
Baharulah sedar rumput di bumi.
Cinta Terhadap Alam Semula Jadi

Satu lagi perihal yang sering dijejaki dalam pantun ialah pengiktirafan kepada alam semula jadi.

Mengenali alam semula jadi dapat membantu rasa keterikatan dan hubungan manusia dengan dunia di sekeliling. Ia menjadi suatu peringatan bahawa manusia ialah sebahagian daripada ekosistem yang lebih besar.

Pengetahuan tentang alam semula jadi dalam pantun meliputi flora dan fauna, kehidupan akuatik, haiwan dan seumpamanya. Ia juga membuktikan keserasian masyarakat Melayu yang sangat mesra dengan alam semula jadi.

Tanpa pemerhatian dan tafakur terhadap apa yang terjadi di sekeliling, mustahil seseorang itu dapat berbagi rasa dalam berpantun.

Kini, membaca pantun membuka satu landasan kepada dunia yang selalu dilepas pandang, lebih-lebih lagi di tengah kesibukan kehidupan bandar.

Krisis alam pada hari ini memerlukan kepedulian terhadap alam semula jadi sebagai satu manifestasi cinta yang harus disemai dan dihidupkan kembali.

Biarpun ia diguna sebagai pembayang dalam kebanyakan pantun, penggunaannya memperlihatkan perkara yang dapat memancing perhatian masyarakat Melayu pada suatu ketika kepada perihal yang lebih besar, iaitu perihal yang mengarah kepada kebaikan. Ini disebabkan alam semula jadilah yang mendahului dan membingkai kehidupan manusia.

Contoh-contoh pantun tradisional sebegini:

Siakap sinohong, gelama ikan berduri,
Bercakap bohong, lama-lama mencuri.
Sudah gaharu, cendana pula,
Sudah tahu, bertanya pula.

**Pencarian Kerelevanan serta Harapan**

Tidak syak lagi pantun merupakan khazanah sastera rakyat yang sangat bernilai. Ia digunakan secara meluas suatu ketika dahulu.

Bukan sahaja pantun mengandungi falsafah hidup malah melambangkan keintelektualan masyarakat Melayu dalam meluahkan iltizam dan pemikiran mereka.

Sejak kebelakangan ini, pantun sudah jarang dimanfaatkan seperti pada zaman nenek moyang kita. Ini tidaklah bermakna kita harus panik.

Ia sepatutnya menjadi satu dorongan ke arah perancangan dan pengelolaan daya tarikan pantun yang lebih tulus.

Sudah pun terdapat usaha untuk melestarikan pantun pada hari ini, seperti dalam pembelajaran dan pengajaran di sekolah-sekolah.

Sayangnya, ia masih disempitkan kepada perihal *teknis* dan *estetis* semata-mata.

Usaha-usaha sebegini sememangnya baik, tapi tidak mampu menggarap keseluruhan keindahan yang teradun dalam bait-bait pantun.

Mesti juga ikhtiar untuk meleraikan sifatnya yang biofilik dan jiwanya yang merangkul supaya pantun tampil lebih relevan kepada khalayak ramai.

Maka, lebih baik lagi jika pantun diangkat sebagai kandil merangkap hikmah yang cintakan kehidupan, keadilan sosial, perpaduan juga semangat egalitarian.

Usahlah kita sekadar bijak bermain kata, bermain pantun tanpa memikul tanggungjawab moral-etika kepada masyarakat dan alam sekeliling.

Selayaknya pantun menjadi seni berbagi rasa, berbalas santun.

Untuk menonton video yang merakam usaha penggiat Warisan Budaya Tidak Ketara (Intangible Cultural Heritage) dalam kalangan masyarakat Melayu Singapura, anda juga boleh lungsuri ke pautan, https://www.facebook.com/malayheritage.

▶ *Muhammad Iylia Kamsani ialah seorang penggiat dikir barat dan pencinta sastera yang memburu ijazah Sarjana Pengajian Melayu di Universiti Nasional Singapura (NUS). Beliau dilantik sebagai Sahabat Sastera oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) pada 2021. Beliau pernah mewakili MBMS dan Singapura di forum dan seminar di luar negara bagi Majlis Sastera Asia Tenggara (Mastera).*

Source: Berita Harian © SPH Media Limited. Permission required for reproduction.